



1. PENTERJEMAH KANAN

**JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)**

KEKOSONGAN = 01

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Penterjemah dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENTERJEMAH KANAN:

Secara Am

1. Membuat kerja-kerja terjemahan yang diaturkan oleh Ketua Bahagian dari Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris atau sebaliknya.
2. Melaksanakan kerja-kerja yang ada kaitan dengan penerbitan buku.
3. Mendokumentasikan artikel / majalah / akhbar sebagai salah satu tugas tambahan.
4. Menyumbangkan penulisan kreatif atau non-kreatif untuk majalah terbitan jabatan.
5. Menerima arahan berkaitan tugas dari semasa ke semasa oleh Ketua Bahagian.



Di Pejabat Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan

1. Menterjemah kertas-kertas kerja untuk mesyuarat dan persidangan, laporan, teks ucapan dan sebagainya bagi pejabat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Tetap.
2. Bertanggungjawab dalam mengumpul Surat-Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan dan Surat-Surat Pemberitahuan dari lain-lain Kementerian atau Pertubuhan / Organisasi.
3. Bertanggungjawab dalam mengumpul Dasar-Dasar Pendidikan.
4. Membuat rumusan ringkas dan rumusan eksekutif bagi laporan-laporan yang dihadapkan oleh Jabatan-Jabatan / Bahagian / Unit di bawah Kementerian Pendidikan atau laporan-laporan yang diterima daripada lain-lain pertubuhan / organisasi yang diarahkan oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan.
5. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) dan pegawai-pegawai kanan dari semasa ke semasa.